

MEMPERKASA MASYARAKAT INDIA DI MELAKA MELALUI PENDIDIKAN

Bernama News | Rencana/Laporan Khas | 26/01/2017 | Author: Fadzli Ramli / FBR PR MMA

MELAKA, 26 Jan (Bernama) -- Sejak belum merdeka lagi, masyarakat India adalah antara tonggak penting pembangunan negara ini, membangun secara aman dan harmoni dengan semua kaum yang ada.

Namun dengan perkembangan semasa terutamanya faktor globalisasi yang membolehkan maklumat diperolehi di hujung jari, masyarakat India menghadapi pelbagai cabaran terutamanya membangun dalam kehidupan selari dengan aliran masa kini.

Di Melaka, pembangunan masyarakat itu terutamanya daripada segi pendidikan, ekonomi, sosial dan hal ehwal agama memerlukan lebih perhatian.

Perkara ini adalah antara inti pati buku bertajuk 'Tamils of Malacca - Their Educational, Religious And Social Organisation' , hasil penyelidikan Universiti Putra Malaysia yang diketuai Prof Madya Dr M.Paramasivam dan kumpulan pelajarnya.

Pengerusi MIC Melaka Datuk M.S Mahadevan melancarkan buku itu baru-baru ini.

Buku tersebut adalah hasil penyelidikan selama lima tahun itu dan ia turut mencadangkan pelbagai penyelesaian praktikal bagi memastikan masyarakat India di negeri ini mampu menangani pelbagai cabaran yang mendatang.

PENDIDIKAN FAKTOR PENTING

Mahadevan dalam temubual dengan Bernama di sini baru-baru ini berkata pendidikan adalah faktor utama yang perlu diberi perhatian bagi memastikan pembangunan masyarakat itu selaras dengan pembangunan semasa.

"Sudah tentu apabila kita bercakap mengenai pendidikan, ia ada kena mengena dengan sekolah. Di sini kita kenalpasti apa isu yang dihadapi 21 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJK(T)) di negeri ini dan cari jalan untuk menyelesaikannya," kata beliau.

Menurut Mahadevan, kebanyakan orang India mula berhijrah ke Melaka sebagai pekerja ladang.

Sehubungan dengan itu, terdapat sembilan SJK(T) di kawasan ladang di negeri

ini - Ladang Bukit Asahan, Ladang Bukit Kajang, Ladang Diamond Jubilee, Ladang

Gadek, Ladang Jasin Lalang, Ladang Kemuning, Ladang Serkam, Ladang Sungai Baru

dan Ladang Tebong.

Beliau berkata seiring dengan perkembangan semasa ramai masyarakat India sudah berpindah meninggalkan ladang dan menyertai pelbagai aktiviti ekonomi yang mempunyai daya saing tinggi.

"Perpindahan itu menyebabkan semakin kurang pelajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di ladang. Daripada kira-kira 100 pelajar, kini tinggal lebih

kurang 10 atau 20 orang murid di setiap sekolah itu," katanya.

SEKOLAH LOKASI STRATEGIK

Mahadevan berkata usaha sedang dilakukan untuk memindahkan beberapa SJK (T)

yang terletak di kawasan kurang strategik antaranya SJK (T) Ladang Diamond Jubilee, SJK (T) Ladang Serkam dan SJK (T) Ladang Jasin Lalang.

Beliau berkata lebih banyak SJK (T) terutamanya di kawasan ladang sedang dirancang untuk ditempatkan semula di kawasan bandar bagi memenuhi keperluan masyarakat India yang kini semakin ramai berhijrah ke bandar.

Dengan cara itu bajet yang diberikan kerajaan untuk SJK (T) dapat dioptimumkan dengan memastikan lebih ramai pelajar di sekolah Tamil itu dan lebih banyak kawasan penempatan semula sedang dikenalpasti.

"Inilah yang MIC perjuangkan kerana kami percaya pendidikan akan memajukan

masyarakat. Setiap tahun sekolah Tamil di negeri ini menerima lebih RM1 juta untuk tujuan penyelenggaraan dan penambahbaikan daripada kerajaan.

"Kita juga menghadapi cabaran penyelenggaraan bangunan sekolah kerana ada bangunan milik pihak ladang, tetapi ada pihak ladang seperti Sime Darby sudah menyerahkan bangunan jadi mudah untuk kita uruskan penyelenggaraan," katanya.

Selain faktor fizikal sekolah, pengisian sekolah itu juga perlu diberi perhatian terutamanya daripada segi pemerkasaan guru dan sistem pembelajaran sekolah itu sendiri.

Justeru, Mahadevan berkata lebih ramai guru berkemahiran daripada masyarakat India terutamanya bertaraf 'pengetua' perlu dilahirkan.

Sehubungan dengan itu, beliau meminta Kementerian Pendidikan memberi peluang

kepada guru daripada masyarakat India untuk meningkatkan kemahiran serta kerjaya mereka.

Menurut beliau, jika dilihat di peringkat sekolah menengah di negeri ini, hanya ada seorang pengetua berketurunan India dan beliau bersara baru-baru ini.

"Cara pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil juga perlu ditingkatkan bagi

membolehkan anak-anak kita memahami bahasa ibunda dengan mudah, selain memastikan sistem pembelajaran di sekolah itu berjalan lancar untuk anak-anak kita," katanya.

PERKASA SOSIO-EKONOMI

Mahadevan berkata dengan pemerkasaan pendidikan, sudah tentu tahap sosio-ekonomi masyarakat India dapat ditingkatkan dan diharap lebih banyak peluang pekerjaan dapat diberikan kepada masyarakat itu.

"Kita sudah ada ramai belia yang menamatkan pengajian di institusi pengajian

tinggi tetapi masalah sekarang ialah kekurangan peluang pekerjaan untuk mereka ini.

"Bagi saya belia berpelajaran ini aset modal insan penting buat negara dan

pembaziran modal insan untuk bangunkan negara akan berlaku jika tidak diberikan

peluang," katanya.

Beliau berharap pihak kerajaan persekutuan, negeri, pihak berkuasa tempatan

dan swasta dapat memberi lebih banyak peluang pekerjaan terutamanya kepada

golongan belia India ini.

Selain peluang pekerjaan, masyarakat India juga memerlukan peluang dalam bidang keusahawanan untuk meningkatkan tahap sosio-ekonomi mereka.

"Kita juga mengadakan perbincangan antaranya cara untuk melahirkan lebih ramai peniaga kecil di kalangan masyarakat India. Kerajaan juga sedia bantu daripada segi pinjaman perniagaan dan sebagainya," kata beliau.

PUJIAN AHLI AKADEMIK TAMIL NADU

Mahadevan berkata ahli akademik daripada Tamil Nadu, India yang ditemuinya

ketika pelancaran buku itu memuji negara ini yang memberikan hak pendidikan kepada masyarakat India.

"Kehidupan kita di negara ini jauh lebih baik jika dibandingkan dengan di India. Mereka juga puji kita kerana ada sekolah Tamil berbanding dengan negara

lain yang tiada sekolah khas seperti ini," katanya.

Beliau berkata masyarakat India di negara ini juga diberikan ruang bersuara

mengenai hak mereka dan Malaysia mempunyai sebuah kerajaan yang amat prihatin dalam memastikan kesejahteraan hidup masyarakat itu.

Masyarakat India di seluruh dunia menghadapi pelbagai cabaran seperti ini,

namun apa yang membezakan masyarakat India di negara ini adalah adanya sokongan

dan pembelaan khusus daripada kerajaan untuk masyarakat itu.

--

RUANGAN SISI

PENEMPATAN SEMULA RUMAH IBADAT

Mahadevan juga menyatakan terdapat 59 rumah ibadat masyarakat India di Melaka dan daripada jumlah itu, hanya kira-kira 25 peratus berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan atau pihak bertanggungjawab lain.

"Kebanyakan rumah ibadat tidak berdaftar ini berada dalam kawasan ladang dan

mungkin pemilik ladang tidak membenarkan ia didaftar. Jika berlaku pembangunan

di kawasan itu rumah ibadat itu perlu dipindahkan dan ini satu masalah.

"Kerana bila dipindahkan ia dikira sebagai permohonan membina baru dan ia memerlukan kelulusan daripada banyak pihak selain kita juga kena jaga sensitiviti agama di kawasan baru itu nanti," katanya.

Beliau berkata rumah ibadat yang tidak berdaftar ini juga sukar untuk diberikan bantuan dan ada juga yang tidak mengikut lunas agama masyarakat India

itu sendiri.

Pihak pengurusan rumah ibadat terutamanya di kawasan luar ladang juga diminta memahami sensitiviti agama lain dalam kehidupan masyarakat berbilang kaum di negara ini.

"Perkara seperti perarakan memasuki taman perumahan masyarakat berbilang kaum perlu mengambil kira sensitiviti masyarakat supaya tidak mengganggu perasaan masyarakat," katanya.

-- BERNAMA

FBR PR MMA

